

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM ACT
(Chapter 157)**

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (SULTAN HAJI OMAR ‘ALI
SAIFUDDIEN INSTITUTE OF ISLAMIC STUDIES) STATUTE, 2001**

ARRANGEMENT OF SECTIONS

Section

1. Citation.
2. Interpretation.
3. Establishment of Institute.
4. Objectives of Institute.
5. Board of Institute.
6. Functions of Board of Institute.
7. Principles of Institute.
8. Advice and approval of Islamic Studies Board.
9. Composition of Board of Institute.
10. Meetings of Board of Institute.
11. Establishment of Islamic Studies Board.
12. Membership of Islamic Studies Board.

13. Functions of Islamic Studies Board.
14. Meetings of Islamic Studies Board.
15. Dean of Institute.
16. Deputy Dean or Deans of Institute.
17. Duties of Dean and Deputy Dean or Deans.
18. Teaching departments of Institute.
19. Heads of Divisions.



**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM ACT
(Chapter 157)**

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (SULTAN HAJI OMAR ‘ALI
SAIFUDDIEN INSTITUTE OF ISLAMIC STUDIES) STATUTE, 2001**

In exercise of the power conferred by section 26 of the Constitution of Universiti Brunei Darussalam, the Chancellor of Universiti Brunei Darussalam hereby makes the following Statute -

Citation.

1. This Statute may be cited as the Universiti Brunei Darussalam (Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Institute of Islamic Studies) Statute, 2001.

Interpretation.

2. (1) In this Statute, unless the context otherwise requires -

“Board of the Institute” means the Board of the Institute established by clause 5;

“Constitution” means the Constitution of the University;

“Dean” means the Dean of the Institute;

“Faculty” means a Faculty of the University as defined in section 2 of the Constitution;

“Institute” means the Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Institute of Islamic Studies established by clause 3;

“Islamic Religious Council” means the Islamic Religious Council of Brunei Darussalam;

“Islamic Studies Board” means the Islamic Studies Board established by clause 11.

(2) For the purpose of this Statute, unless the context otherwise requires, references to a Faculty or Board of a Faculty in the Constitution or any statute or regulation shall also refer to the Institute or to the Board of the Institute respectively.

Establishment of Institute.

3. (1) The Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Institute of Islamic Studies is hereby established as an institution of the University under section 18(1) of the Constitution with the amalgamation of the Faculty of Islamic Studies of the University and the Institute of Islamic Studies of the Ministry of Religious Affairs.

(2) The Institute shall have the status of a Faculty of the University.

Objectives of Institute.

4. The objectives of the Institute shall be -

- (a) to upgrade the teaching of Islamic studies up to a degree and postgraduate level and to be the base for developing higher studies in Islam in Brunei Darussalam as an extension of the foundation and to reflect the identity and achievements of the former Institute of Islamic Studies and the former Faculty of Islamic Studies;

- ✽
- (b) to protect the importance of religion, race and nation for the future;
 - (c) to give substance and meaning to the national philosophy of Brunei Darussalam, that is, the Malay Islamic Monarchy, in the context of Islam as the main pillar of that philosophy;
 - (d) to ensure the bringing forth of human resources who are knowledgeable, devout, pious, of good character through learning, and who can serve as a model in an encouraging environment;
 - (e) to produce scholars in Islam and religious scholars who are righteous, modest and respectful to defend the *Ahli Sunnah Wal-Jamaah* creed and to spread Islamic laws in accordance with *Mazhab Syafie*;
 - (f) to be the only centre of research and higher learning of Islam in Brunei Darussalam.

Board of Institute.

5. There shall be a Board of the Institute with the status of a Board of a Faculty of the University.

Functions of Board of Institute.

6. The Board of the Institute shall be responsible to the Senate for the planning, organisation and conduct of instruction of programmes and courses coming under the purview of the Institute in accordance with the policies and guidelines laid down by the Islamic Religious Council and the Islamic Studies Board, and to exercise such powers and perform such duties as may be conferred upon it by statute or regulation or by the Senate.

Principles of Institute.

7. The Senate and the Board of the Institute shall ensure that the programmes and courses offered by the Institute shall be planned, organised and conducted based on the following principles -

- (a) that the Institute is to achieve and implement the objectives set out in clause 4;



- (b) that the teaching and conduct of research in Islamic studies at higher level shall be based on the policies, direction and guidelines laid down by the Islamic Religious Council and the Islamic Studies Board;
- (c) that the curricula and teaching of the Islamic studies of the Institute will strengthen and spread the beliefs of the *Ahli Sunnah Wal-Jamaah* creed and the *fiqah* of *Mazhab Syafie*;
- (d) that the academic staff of the Institute are experienced and possess high qualifications in order to produce people who have strong belief in God, and who are pious, knowledgeable and of good character;
- (e) that the Institute is the only institution to offer and organise courses about Islam, whether foundation, optional or University courses or other courses in the University.

Advice and approval of Islamic Studies Board.

8. The Board of the Institute shall, when proposing any programme or course in Islamic studies, refer the proposal to the Islamic Studies Board to obtain its advice and approval.

Composition of Board of Institute.

9. The Board of the Institute shall consist of -
- (a) the Dean of the Institute as the Chairman, subject to clause 10(1);
 - (b) the Vice-Chancellor;
 - (c) the Deputy Dean or Deans of the Institute;
 - (d) the heads of teaching departments of the Institute;
 - (e) the full-time professors, associate professors, senior lecturers and lecturers of the Institute, but excluding visiting staff of those grades; and
 - (f) any member of the University staff or any other person as may be appointed by the Senate to hold office for such period as the Senate may determine.

Meetings of Board of Institute.

10. (1) Notwithstanding the provisions of clause 9(a), the Vice-Chancellor shall preside at the meeting of the Board of the Institute if he is present at any meeting of the Board of the Institute.

(2) The Board of the Institute shall meet at least twice every semester.

(3) The date, time and place for any meeting shall be determined by the Chairman.

(4) Meetings shall be summoned by the Registrar and Secretary or his deputy who shall be the secretary of the Board of the Institute.

(5) The quorum for any meeting of the Board of the Institute shall be not less than one-third of the total membership on the date of the meeting. For the purpose of this sub-clause, a member who is a staff member of the University and who is on study leave, sabbatical leave, no-pay leave or on secondment to an organisation outside the University shall not be counted as a member of the Board of the Institute.

(6) Minutes of meetings of the Board of the Institute shall be forwarded to the Senate and the Islamic Studies Board.

Establishment of Islamic Studies Board.

11. An Islamic Studies Board is hereby established as an authority of the University in accordance with section 14(1) of the Constitution.

Membership of Islamic Studies Board.

12. (1) The Islamic Studies Board shall consist of -
- (a) the Vice-President of the Islamic Religious Council as the Chairman;
 - (b) the Vice-Chancellor of the University as the Deputy Chairman;

- (c) 5 representatives of the Islamic Religious Council elected by members of that Council;
- (d) one representative of the Council of the University;
- (e) one representative of the Senate of the University who is a Muslim;
- (f) the Dean of the Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Institute of Islamic Studies of the University; and
- (g) not more than 2 other members appointed by the Chairman, after consulting the Vice-Chancellor, to hold office for such period as the Chairman may determine.

(2) The Deputy Dean of the Institute, or if there are more than one Deputy Dean, any one of them as may be named by the Dean, shall be the Secretary of the Islamic Studies Board.

(3) The members appointed under sub-clause (1)(c) to (1)(g) shall, if qualified, hold office for 2 years from the date of their appointment and shall be eligible for re-appointment.

Functions of Islamic Studies Board.

13. (1) The Islamic Studies Board shall be responsible for determining, on behalf of the Islamic Religious Council, the programmes and contents of all programmes in the Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Institute of Islamic Studies. Its functions shall be -

- (a) to give direction and advice to the Senate and the Board of the Institute on all matters relating to the teaching and research in Islamic studies in the University for implementation in accordance with the policies, directions and guidelines laid down by the Islamic Religious Council;
- (b) to decide on any matter pertaining to the teaching and conduct of research in Islamic studies and the adoption of Islamic values as a way of life in the University where any such matter is referred to it by the Senate or the Board of the Institute, as the case may be;

- (c) to determine any matter, where necessary, on research topics in Islamic Studies to be conducted by the Institute;
- (d) to determine programme for the conduct of continuing education programmes in Islamic studies;
- (e) to make decisions and policies on any matter relating to the research and teaching of Islamic studies in the University.

(2) The Islamic Studies Board shall, when making any proposal or when giving its advice on any matter aforesaid, take into account the principles set out in clause 7.

Meetings of Islamic Studies Board.

14. (1) The Islamic Studies Board shall meet at least once every semester.
- (2) The date, time, place and agenda for any meeting shall be determined by the Chairman.
- (3) The quorum for any meeting shall be half of its total membership.
- (4) Minutes of meetings of the Islamic Studies Board shall be forwarded to the Council, the Senate and the Board of the Institute.

Dean of Institute.

15. The head of the Institute shall be the Dean who shall be responsible to the Vice-Chancellor and shall be appointed in accordance with section 19 of the Constitution.

Deputy Dean or Deans of Institute.

16. The Vice-Chancellor may, where necessary, appoint one or more than one Deputy Dean for the Institute in accordance with section 19 of the Constitution, who shall be responsible to the Dean.

Duties of Dean and Deputy Dean or Deans.

17. The Dean, assisted by the Deputy Dean or Deans, shall be responsible for the administration of the Institute and for the organisation and conduct of instruction of programmes and courses in Islamic studies under the purview of the Institute. They shall also exercise such other functions as may be vested upon him by statute or regulation or as may be directed by the Vice-Chancellor.

Teaching departments of Institute.

18. The Institute shall consist of -
- (a) the department of Syariah;
 - (b) the department of Usuluddin;
 - (c) the department of Arabic Language; and
 - (d) any other teaching departments as may be approved by the Council and prescribed by statute.

Heads of Divisions.


19. (1) There shall be a head for each teaching department of the Institute appointed in accordance with section 19 of the Constitution.

(2) The head of a teaching department shall be responsible to the Dean for the organisation and conduct of programmes or courses under the purview of the department. The head shall also exercise such other functions as may be vested upon him by the Constitution, statute or regulation or as may be directed by the Vice-Chancellor or the Dean.

Made this 17th day of Jamadilakhir 1422 Hijriah corresponding
to the 5th day of September 2001.



**CHANCELLOR,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM.**



**AKTA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(Penggali 157)**

**STATUT UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(INSTITUT PENGAJIAN ISLAM SULTAN HAJI OMAR 'ALI
SAIFUDDIEN), 2001**

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
2. Tafsiran.
3. Penubuhan Institut.
4. Tujuan-tujuan Institut.
5. Lembaga Institut.
6. Tugas-tugas Lembaga Institut.
7. Prinsip-prinsip Institut.
8. Nasihat dan kelulusan Lembaga Pengajian Islam.
9. Keanggotaan Lembaga Institut.
10. Mesyuarat Lembaga Institut.
11. Penubuhan Lembaga Pengajian Islam.
12. Keanggotaan Lembaga Pengajian Islam.

13. Tugas-tugas Lembaga Pengajian Islam.
14. Mesyuarat Lembaga Pengajian Islam.
15. Dekan Institut.
16. Timbalan atau Timbalan-Timbalan Dekan Institut.
17. Kewajipan-kewajipan Dekan dan Timbalan atau Timbalan-Timbalan Dekan.
18. Jabatan-jabatan pengajaran Institut.
19. Ketua-ketua jabatan pengajaran.



**AKTA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(Penggai 157)**

**STATUT UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(INSTITUT PENGAJIAN ISLAM SULTAN HAJI OMAR 'ALI
SAIFUDDIEN), 2001**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 26 dari Perlembagaan Universiti Brunei Darussalam, maka Canselor Universiti Brunei Darussalam dengan ini membuat Statut yang berikut —

Gelaran.

1. Statut ini boleh digelar sebagai Statut Universiti Brunei Darussalam (Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin), 2001.

Tafsiran.

2. (1) Dalam Statut ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Dekan” bermakna Dekan Institut;

“Fakulti” bermakna Fakulti Universiti sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 2 dari Perlembagaan;

“Institut” bermakna Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin yang ditubuhkan menurut fasal 3;

“Lembaga Institut” bermakna Lembaga Institut yang ditubuhkan menurut fasal 5;

“Lembaga Pengajian Islam” bermakna Lembaga Pengajian Islam yang ditubuhkan menurut fasal 11;

“Majlis Ugama Islam” bermakna Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam;

“Perlembagaan” bermakna Perlembagaan Universiti.

(2) Bagi maksud Statut ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, sebutan-sebutan kepada Fakulti atau Lembaga Fakulti dalam Perlembagaan atau mana-mana statut atau peraturan hendaklah juga merujuk kepada Institut atau Lembaga Institut masing-masing.

Penubuhan Institut.

3. (1) Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien adalah dengan ini ditubuhkan sebagai sebuah institusi Universiti di bawah bab 18(1) dari Perlembagaan dengan menggabungkan Fakulti Pengajian Islam Universiti dan Institut Pengajian Islam Kementerian Hal Ehwal Ugama.

(2) Institut hendaklah mempunyai taraf Fakulti Universiti.

Tujuan-tujuan Institut.

4. Tujuan-tujuan Institut adalah –

- (a) untuk meningkatkan pengajaran pengajian Islam hingga ke peringkat ijazah dan ijazah lanjutan dan untuk menjadi asas perkembangan pengajian Islam di Negara Brunei Darussalam sebagai lanjutan dari penubuhan dan untuk mencerminkan identiti serta pencapaian bekas Institut Pengajian Islam dan bekas Fakulti Pengajian Islam;
- (b) untuk melindungi peri pentingnya ugama, bangsa dan negara pada masa depan;

- (c) untuk memberi isi dan makna kepada falsafah Negara Brunei Darussalam, iaitu, Melayu Islam Beraja, dalam konteks Islam sebagai tunggak utama falsafah tersebut;
- (d) untuk memastikan kelahiran sumber tenaga manusia yang berilmu, beramal, bertaqwa, berakhlak mulia melalui pembelajaran, dan yang dapat memberikan contoh tauladan dalam suasana yang menggalakkan;
- (e) untuk melahirkan cendekiawan Islam dan ulama-ulama yang salih, sederhana dan dihormati bagi mempertahankan akidah *Ahli Sunnah Wal-Jamaah* dan untuk mengembangkan perundangan Islam menurut *Mazhab Syafie*;
- (f) untuk menjadi satu-satunya pusat penyelidikan dan pembelajaran tinggi Islam di Negara Brunei Darussalam.

Lembaga Institut.

5. Hendaklah ada Lembaga Institut yang mempunyai taraf Lembaga Fakulti Universiti.

Tugas-tugas Lembaga Institut.

6. Lembaga Institut hendaklah bertanggungjawab kepada Senat untuk merancang, menyelenggara dan mengendalikan pengajaran program-program dan kursus-kursus di bawah bidang kuasa Institut menurut dasar-dasar dan garis-garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Ugama Islam dan Lembaga Pengajian Islam, dan untuk menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan kewajipan-kewajipan sebagaimana yang mungkin diberikan kepadanya oleh statut atau peraturan atau oleh Senat.

Prinsip-prinsip Institut.

7. Senat dan Lembaga Institut hendaklah memastikan bahawa program-program dan kursus-kursus yang ditawarkan oleh Institut hendaklah dirancang, diselenggara dan dikendalikan berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang berikut —

- (a) bahawa Institut hendaklah berusaha untuk mencapai dan melaksanakan tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam fasal 4;
- (b) bahawa pengajaran dan pengendalian penyelidikan dalam pengajian Islam di peringkat tinggi hendaklah berasaskan kepada dasar-dasar, arahan dan

garis-garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Ugama Islam dan Lembaga Pengajian Islam;

- (c) bahawa kurikulum dan pengajaran pengajian Islam di Institut akan mengukuhkan dan mengembangkan fahaman akidah *Ahli Sunnah Wal-Jamaah fiqah* dan *Mazhab Syafie*;
- (d) bahawa kakitangan akademik Institut adalah berpengalaman dan mempunyai kelayakan-kelayakan yang tinggi supaya dapat melahirkan manusia yang beriman, dan manusia yang bertakwa, berilmu dan berakhlak mulia;
- (e) bahawa Institut adalah satu-satunya institusi yang menawarkan dan menyelenggarakan kursus-kursus mengenai Islam, sama ada kursus-kursus asas, pilihan atau Universiti atau kursus-kursus lain di Universiti Brunei Darussalam.

Nasihat dan kelulusan Lembaga Pengajian Islam.

8. Lembaga Institut hendaklah, apabila mencadangkan sebarang program atau kursus pengajian Islam, merujuk kepada Lembaga Pengajian Islam untuk mendapatkan nasihat dan kelulusannya.

Keanggotaan Lembaga Institut.

9. Lembaga Institut hendaklah terdiri daripada —
- (a) Dekan Institut sebagai Pengerusi, tertakluk kepada fasal 10(1);
 - (b) Naib Canselor;
 - (c) Timbalan atau Timbalan-Timbalan Dekan Institut;
 - (d) ketua-ketua jabatan pengajaran Institut;
 - (e) profesor, profesor madya, pensyarah kanan dan pensyarah sepenuh masa Institut, tetapi tidak termasuk kakitangan pelawat dari gred-gred tersebut; dan
 - (f) mana-mana ahli kakitangan Universiti atau mana-mana orang lain yang mungkin dilantik oleh Senat untuk memegang jawatan bagi suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Senat.

Mesyuarat Lembaga Institut.

10. (1) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan ~~yang~~ fasal 9(a), Naib Canselor hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga Institut jika dia hadir pada mana-mana mesyuarat Lembaga Institut;

(2) Lembaga Institut hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setiap semester.

(3) Tarikh, masa dan tempat untuk mana-mana mesyuarat hendaklah ditetapkan oleh Pengerusi.

(4) Pendaftar hendaklah memanggil mesyuarat dan Setiausaha atau timbalannya akan menjadi setiausaha kepada Lembaga Institut;

(5) Korum bagi mana-mana mesyuarat Lembaga Institut hendaklah tidak kurang dari satu pertiga daripada jumlah keahliannya pada tarikh mesyuarat itu. Bagi maksud fasal kecil ini, seseorang ahli yang merupakan ahli kakitangan Universiti dan yang dalam cuti belajar, cuti sabbatical, cuti tanpa gaji atau dalam pinjaman kepada sesuatu organisasi di luar Universiti tidak akan dikira sebagai ahli Lembaga Institut;

(6) Minit mesyuarat Lembaga Institut hendaklah dikemukakan kepada Senat dan Lembaga Pengajian Islam.

Penubuhan Lembaga Pengajian Islam.

11. Lembaga Pengajian Islam adalah dengan ini ditubuhkan sebagai pihak berkuasa Universiti menurut bab 14(1) dari Perlembagaan.

Keanggotaan Lembaga Pengajian Islam.

12. (1) Lembaga Pengajian Islam hendaklah terdiri daripada —
- (a) Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam sebagai Pengerusi;
 - (b) Naib Canselor Universiti sebagai Timbalan Pengerusi;
 - (c) 5 orang wakil Majlis Ugama Islam yang dipilih oleh ahli-ahli Majlis tersebut;
 - (d) seorang wakil Majlis Universiti;

- (e) seorang wakil Senat Universiti yang beragama Islam;
- (f) Dekan Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Universiti; dan
- (g) tidak lebih daripada 2 orang ahli lain yang dilantik oleh Pengerusi setelah berunding dengan Naib Canselor, untuk memegang jawatan bagi suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Pengerusi.

(2) Timbalan Dekan Institut, atau jika terdapat lebih daripada seorang Timbalan Dekan, salah seorang daripada mereka sebagaimana yang mungkin dinamakan oleh Dekan, hendaklah menjadi Setiausaha kepada Lembaga Pengajian Islam.

(3) Ahli-ahli yang dilantik di bawah fasal kecil (1)(c) hingga (1)(e) hendaklah memegang jawatan, jika layak, bagi tempoh 2 tahun dari tarikh perlantikan mereka dan adalah layak untuk dilantik semula.

Tugas-tugas Lembaga Pengajian Islam.

13. (1) Lembaga Pengajian Islam hendaklah bertanggungjawab untuk menetapkan, bagi pihak Majlis Ugama Islam, program-program dan isi kandungan semua program Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien. Tugas-tugasnya adalah —

- (a) untuk memberi arahan dan nasihat kepada Senat dan Lembaga Institut mengenai semua perkara yang berhubung dengan pengajaran dan penyelidikan dalam pengajian Islam di Universiti bagi pelaksanaan menurut dasar-dasar, arahan dan garis-garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Ugama Islam;
- (b) untuk memutuskan sebarang perkara yang berhubung dengan pengajaran dan pengendalian penyelidikan dalam pengajian Islam dan penghayatan nilai-nilai Islam sebagai cara hidup di Universiti jika sebarang perkara tersebut dirujuk kepadanya oleh Senat atau Lembaga Institut, mengikut mana yang berkenaan;

- (c) untuk menetapkan sebarang perkara, jika perlu mengenai topik; topik penyelidikan dalam pengajian Islam yang akan dikendalikan oleh Institut;
- (d) untuk menetapkan program bagi pengendalian program-program pendidikan berterusan dalam pengajian Islam;
- (e) untuk membuat keputusan dan dasar mengenai sebarang perkara yang berhubung dengan penyelidikan dan pengajaran pengajian Islam di Universiti.

(2) Lembaga Pengajian Islam hendaklah, apabila membuat sebarang cadangan atau apabila memberi nasihatnya mengenai sebarang perkara yang tersebut di atas, mengambil kira prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam fasal 7.

Mesyuarat Lembaga Pengajian Islam.

14. (1) Lembaga Pengajian Islam hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap semester.

(2) Tarikh, masa, tempat dan agenda bagi mana-mana mesyuarat hendaklah ditetapkan oleh Pengerusi.

(3) Korum bagi mana-mana mesyuarat adalah separuh daripada jumlah keahliannya.

(4) Minit mesyuarat Lembaga Pengajian Islam hendaklah dikemukakan kepada Majlis, Senat dan Lembaga Institut.

Dekan Institut.

15. Ketua Institut adalah Dekan yang akan bertanggungjawab kepada Naib Canselor dan hendaklah dilantik menurut bab 19 dari Perlembagaan.

Timbalan atau Timbalan-Timbalan Dekan Institut.

16. Naib Canselor boleh, jika perlu, melantik seorang atau lebih daripada seorang Timbalan Dekan bagi Institut menurut bab 19 dari Perlembagaan, yang akan bertanggungjawab kepada Dekan.

Kewajipan-kewajipan Dekan dan Timbalan atau Timbalan-Timbalan Dekan.

17. Dekan, yang dibantu oleh Timbalan atau Timbalan-Timbalan Dekan, hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran Institut dan bagi penyelenggaraan dan pengendalian pengajaran program-program dan kursus-kursus dalam pengajian Islam di bawah bidang kuasa Institut. Mereka hendaklah juga menjalankan tugas-tugas lain sebagaimana yang mungkin diberikan kepada mereka oleh statut atau peraturan atau sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Naib Canselor.

Jabatan-jabatan pengajaran Institut.

18. Institut hendaklah mengandungi —


- (a) jabatan Syariah;
- (b) jabatan Usuluddin;
- (c) jabatan Bahasa Arab; dan
- (d) mana-mana jabatan pengajaran lain sebagaimana yang mungkin diluluskan oleh Majlis dan ditetapkan oleh statut.

Ketua-ketua jabatan pengajaran.

19. (1) Hendaklah ada seorang ketua bagi setiap jabatan pengajaran Institut yang dilantik menurut bab 19 dari Perlembagaan.

(2) Ketua suatu jabatan pengajaran hendaklah bertanggungjawab kepada Dekan bagi penyelenggaraan dan pengendalian program-program atau kursus-kursus di bawah bidang kuasa jabatan itu. Ketua hendaklah juga menjalankan tugas-tugas lain sebagaimana yang mungkin diberikan kepadanya oleh Perlembagaan, statut atau peraturan atau sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Naib Canselor atau Dekan.

Diperbuat pada hari ini 17 haribulan Jaradilakhir Tahun Hijrah 1422
bersamaan dengan 5 haribulan September 2001.



**CANSELOR,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM.**